



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KPKM SAMBUT BAIK INISIATIF SELANGOR, PERKUKUH KEBERSAMAAN PERSEKUTUAN–NEGERI DALAM MENDEPANI KRISIS TENAGA GLOBAL

PUTRAJAYA, 17 APRIL 2026 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyambut baik inisiatif Kerajaan Negeri Selangor memperkenalkan Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor dengan peruntukan berjumlah RM131 juta bagi mendepani cabaran semasa, khususnya kesan krisis tenaga global yang memberi tekanan kepada kos pengeluaran sektor agromakanan.

Kementerian menghargai komitmen Kerajaan Negeri Selangor yang memperuntukkan RM25 juta bagi sektor pertanian, yang dijangka memanfaatkan lebih 17,000 pesawah, nelayan, petani, penternak dan pengusaha akuakultur di negeri tersebut.

Langkah ini selari dan melengkapi pelbagai inisiatif Kerajaan Persekutuan melalui KPKM dalam membantu golongan sasaran di seluruh negara. Antaranya termasuk peningkatan Insentif Pembajakan Kepada Pesawah (IPKP) sehingga RM300 sehektar, bantuan tunai BUDI Agri-Komoditi sehingga RM400 sebulan kepada petani dan pekebun kecil, serta pelaksanaan subsidi diesel bersasar bagi sektor agromakanan.

Dalam menghadapi krisis tenaga global yang berpanjangan, pendekatan menyeluruh yang melibatkan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri adalah amat diperlukan. Sinergi ini bukan sahaja memastikan bantuan dapat disampaikan secara lebih cekap dan menyeluruh, malah memperkukuh daya tahan rantaian bekalan makanan negara daripada peringkat pengeluaran hingga ke pengguna.

Sehubungan itu, KPKM mengalu-alukan lebih banyak Kerajaan Negeri tampil mengambil langkah proaktif dalam membantu golongan sasaran sektor agromakanan.

Pendekatan kebersamaan ini amat penting bagi memastikan pesawah, nelayan, petani, penternak dan pengusaha akuakultur terus berdaya tahan, sekali gus menjamin kestabilan bekalan makanan negara dalam tempoh krisis ini.

KPKM yakin bahawa gabungan usaha Persekutuan dan Negeri ini akan memberi impak yang signifikan dalam melindungi kebajikan pemain industri agromakanan serta memastikan keterjaminan makanan negara terus kekal terpelihara dalam apa jua keadaan.

YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD SABU
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

